



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI

KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA (KPK) 2015/16

Tarikh : 21 Mac 2015

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan **Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2015/16** bagi Negara Brunei Darussalam bermula 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016.
2. KPK 2015/16 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Bab 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. KPK 2015/16 adalah merupakan kajian yang keenam seumpamanya dikendalikan di Negara Brunei Darussalam. Kajian yang terdahulu telah dijalankan dalam tahun 1977, 1987/88, 1997/98, 2005 dan 2010/11.
3. Objektif utama KPK 2015/16 ialah:
 - Untuk mengumpulkan maklumat perbelanjaan dan pendapatan keluarga yang lengkap dan terkini,
 - Untuk mengemaskinikan senarai dan kewajaran barang dan perkhidmatan untuk Indeks Harga Pengguna (IHP),
 - Untuk mengumpulkan maklumat tambahan bagi Perangkaan Akaun Negara dan Perangkaan Sosial.

4. Liputan bagi KPK 2015/16 ditentukan secara sampel sahaja. Beberapa kawasan di setiap daerah telah dipilih dan sebilangan tempat kediaman dan keluarga sahaja dari kawasan-kawasan tersebut akan dipilih secara rambang untuk diliputi semasa KPK ini. Setiap keluarga hanya akan terlibat dalam kajian ini bagi tempoh satu bulan sahaja. Tempoh 12 bulan diperlukan bagi kajian ini bagi memastikan variasi perbelanjaan bermusim seperti musim perayaan, awal persekolahan dan cuti sekolah diambil kira. Keluarga-keluarga terpilih adalah dikehendaki untuk mencatatkan semua perbelanjaan oleh setiap ahli keluarga masing-masing dan juga pendapatan yang diterima bagi bulan tersebut.
5. JPKE telah melantik pegawai-pegawai kajian yang akan melawat keluarga-keluarga terpilih untuk menerangkan cara-cara mencatatkan perbelanjaan dan pendapatan ke dalam Buku Catatan Keluarga dengan betul dan teratur. Keluarga terpilih adalah diingatkan supaya memastikan penemuduga yang datang membuat lawatan adalah pekerja kajian yang telah dilantik melalui pas kajian, surat lantikan dan kad pengenalan mereka. Sementara itu, keluarga yang mempunyai anjing adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama dengan menambat atau mengurung anjing-anjing mereka semasa penemuduga membuat lawatan.
6. Hasil yang diperolehi melalui KPK 2015/16 akan dapat memberikan sumber maklumat yang penting bagi kegunaan perancangan sosio-ekonomi negara. Perangkaan utama yang akan dihasilkan ialah purata perbelanjaan bulanan bagi sebuah keluarga di negara ini mengikut pecahan kategori perbelanjaan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan, perubatan dan lain-lain perbelanjaan di luar negara, bayaran pinjaman dan sebagainya. Selain itu, hasil KPK ini juga boleh digunakan oleh pengguna-pengguna lain seperti sektor swasta, pakar akademik, penyelidik, penuntut-penuntut dan orang ramai bagi berbagai tujuan dan kegunaan masing-masing.

7. Oleh yang demikian, sokongan dan kerjasama semua keluarga terpilih dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini. JPKE ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga terpilih bahawa maklumat yang dikumpulkan semasa kajian ini akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

8. Sebarang pertanyaan mengenai KPK 2015/16 ini bolehlah dirujuk ke JPKE seperti berikut:

Telefon	:	2230250 or 2230265 (waktu pejabat)
E-mel	:	info.statistics@jpke.gov.bn
Laman web	:	www.jpke.gov.bn .



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE

HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY 2015/16
BRUNEI DARUSSALAM

Date: 21 Mac 2015

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE), will be conducting the **Household Expenditure Survey (HES) 2015/16** for Brunei Darussalam starting from 1 April 2015 until 31 March 2016.*
2. *HES 2015/16 is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. HES 2015/16 is the sixth such survey being conducted in Brunei Darussalam. The previous surveys were conducted in 1977, 1987/88, 1997/98, 2005 and 2010/11.*
3. *The main objectives of HES 2015/16 are:*
 - *To collect latest and comprehensive information on the expenditure and income of households,*
 - *To revise the list and weightings of goods and services for the Consumer Price Index (CPI),*
 - *To provide additional information for National Accounts Statistics and Social Statistics.*

4. *The coverage of the survey is on a sample basis only. Several areas in each district have been selected and only a number of houses and households from the selected areas will be chosen by random to be covered in the HES. Each household will be involved in this survey for a period of one month only. The survey requires a period of 12 months to take into account the variation of seasonal expenditures such as during festive seasons, back-to-school and school holidays. The selected households are required to record all daily expenditures by each member as well as the income received during the month.*
5. *JPKE has appointed survey officers who will visit the selected households to guide them on how to record their expenditures and incomes in the Household Record Book correctly and orderly. Selected households are reminded to ensure that the interviewers who come to visit them are those appointed by JPKE through their survey passes, appointment letters and identity cards. Households with dogs are also kindly requested to give their cooperation by holding their dogs on leash or in cage when the interviewers come to visit their households.*
6. *Results from the HES 2015/16 will provide an important source of information for national socio-economic planning. Key statistics derived is on average monthly expenditure per household in the country according to expenditure categories such as food, clothing, accommodation, transport, education, medical and other expenditures including expenditures abroad, loan repayments, and others. Apart from that, the HES results can also be used by other users such as the private sector, academicians, researchers, students and the public for their respective needs and purposes.*

7. *Hence, the support and co-operation from all selected households in providing correct and complete information are essential for the success of the survey. JPKE would like to assure the selected households that the information collected during the survey will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only.*

8. *For any enquiries regarding the HES 2015/16, please refer to JPKE as follows:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230250 or 2230265 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpke.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>www.jpke.gov.bn</i>